

JITRA, 24 MAR (BERNAMA)—DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGINGATKAN UMAT ISLAM SUPAYA MENGAWASI KEGIATAN DAKWAH YANG BOLEH MEROSAKKAN ISLAM.

INI KERANA ADA GOLONGAN YANG MENGGUNAKAN PERKATAAN DAKWAH UNTUK MELEMAHKAN ORANG-ORANG ISLAM SENDIRI, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI KEPADA KIRA-KIRA 500 ORANG PENDUDUK DI MASJID PULAU KETAM, DUA BATU DARI SINI HARI INI.

BELIAU BERKATA KERAJAAN TIDAK MENENTANG KEGIATAN SEUMPAMA INI KERANA KERAJAAN JUGA MEMPUNYAI BANYAK RANCANGAN DAKWAH UNTUK MENJELASKAN KEPADA PENGANUT ISLAM DAN AGAMA LAIN SUPAYA FAHAM DAN TERTARIK KEPADA AGAMA ISLAM.

BAGAIMANAPUN, BELIAU BERKATA DAKWAH YANG BOLEH MEMESONGKAN SESEORANG HINGGA AKIBAT DARI DAKWAH ITU TERDAPAT ANAK MELAYU DALAM SEBUAH UNIVERSITI TIDAK MAHU MENERUSKAN PELAJARAN DALAM JURUSAN PERUBATAN.

MENURUT BELIAU DAKWAH SEUMPAMA INI ADALAH MERUGIKAN KERANA ILMU KEDOKTORAN ADALAH PENTING UNTUK AGAMA ISLAM SEPERTI JUGA ILMU JURUTERA. —BERSAMBUNG 1 16/MD

££

R617

MAHATHIR - DAKWAH 2 JITRA

TERDAHULU DARI ITU KETIKA BERUCAP KEPADA PENDUDUK DI DEWAN ORANG RAMAI ALOR RAMBAI ENAM BATU DARI SINI DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN PELAKSANAAN HUKUM-HUKUM ISLAM AKAN MENGAMBIL MASA YANG LAMA.

KATANYA DALAM ISLAM TIDAKLAH BEGITU MUDAH UNTUK MENJATUHKAN HUKUMAN SEPERTI MEMOTONG KEPALA, MEMOTONG TANGAN DAN REJAM.

TIMBALAN PERDANA MENTERI JUGA MENYATAKAN ADANYA KALANGAN YANG MENYALAHGUNAKAN PERKATAAN ISLAM UNTUK KEPENTINGAN POLITIK.

MENTERI BESAR KEDAH DATUK SERI SYED NAHAR SAHABUDDIN YANG TURUT BERUCAP SEBELUM ITU BERKATA TERDAPAT GOLONGAN YANG BERUSAHA MEMECAHKAN AGAMA DAN MASYARAKAT MENERUSI DAKWAH. —BERNAMA 1939/MD